

Penstrukturan semula bajet seiring tuntutan semasa

Isu banjir, kemerosotan ringgit, penurunan harga minyak beri kesan perbelanjaan negara



**MOHD AYOP
ABD RAZID**

ayop_60@yahoo.com



Bajet 2015 akan distruktur semula. Demikian kenyataan Datuk Seri Najib Razak kelmarin. Kenyataan penuh mengenainya akan dikeluarkan oleh Perdana Menteri minggu depan. Penstrukturan semula bajet bagi tahun ini akan dibuat sebagai langkah menangani tiga isu, iaitu kesan bencana banjir, kemerosotan nilai ringgit dan penurunan dalam harga minyak.

Banjir besar yang melanda Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang selain Perak) baru-baru ini meninggalkan kesan kerosakan yang besar terhadap harta benda individu dan awam dengan nilai kasar hampir RM1 bilion. Ketika ini kerajaan dalam proses mentaksir jumlah kerugian sebenar. Namun, yang pasti, langkah pemulihan negeri-negeri yang teruk dilanda banjir terutamanya di Kelantan memerlukan peruntukan yang besar.

Penurunan dalam harga minyak global dan kemerosotan nilai ringgit pula memungkinkannya pengurangan dalam pendapatan kerajaan. Kesan kejatuhan nilai ringgit yang berterusan juga boleh menyebabkan penurunan kuasa beli rakyat. Malah, kemampuan kerajaan berbelanja untuk pembangunan juga akan terjejas.

Walaupun pengurangan dalam pendapatan kerajaan akibat penurunan harga minyak boleh diserap oleh pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), cukai itu hanya akan mula dilaksanakan pada 1 April depan, dan pendapatan tambahan sebenar daripadanya hanya akan dapat dinilai pada akhir tahun.

Penurunan harga minyak jejas pendapatan negara

Tidak dapat dipastikan sampai bila arah aliran penurunan harga minyak ini akan berlarutan. Jika harganya terus menurun maka ia boleh menjejaskan pendapatan negara.

Saham syarikat minyak dan gas tempatan boleh berdepan isu penilaian yang lebih rendah. Begitu juga kesannya terhadap nilai ringgit. Nilai ringgit ketika ini susut ke paras terendah dalam tempoh lima setengah tahun berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) berikutan tekanan akibat kejatuhan harga minyak.

Apa pun industri minyak di negara ini masih berupaya bertahan dan bersaing dalam pasaran dunia. Menurut Pengerusi Shell Malaysia, Iain Lo, perkongsian kontrak antara kerajaan dengan peserta industri ini turut menjadi teras menarik syarikat besar minyak dan gas menyertai pasaran Malaysia.

Kerajaan juga dikatakan bersedia untuk berhadapan dengan kemungkinan kejatuhan harga minyak yang berterusan. Me-

nurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, kerajaan sudah membuat persiapan sewajarnya bagi menangani keadaan jika harga minyak mentah turun ke paras bawah AS\$70 setong. Harga minyak mentah di pasaran global telah jatuh daripada AS\$110 setong kepada di bawah AS\$50 setong.

Pertingkat aktiviti hiliran, huluan

Menurut Idris, jika harga minyak terus menunjukkan arah aliran tidak stabil ia boleh diimbangi dengan pelepasan bebanan subsidi yang ditanggung kerajaan selama ini serta pelaksanaan GST. Selain itu, selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai hab perkhidmatan dan peralatan medan minyak pada 2020, industri berkenaan dijangka dapat mempertingkatkan aktiviti hiliran dan huluannya.

Jika dilihat kepada pandangan positif ini maka kita yakin harga minyak global akan kembali pulih pada suku kedua tahun ini. Menurut Ketua Pakar Ekonomi Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW), harga bahan api itu bakal kembali melantun, seiring dengan pemulihan ekonomi global pada suku kedua tahun ini. Justeru, beliau melihat Malaysia mampu mencapai sasaran defisit fiskal pada kadar tiga peratus tahun depan.

Mengenai penurunan nilai ringgit pula, ramai pakar ekonomi yang melihat kesan penurunan nilai ringgit terhadap ekonomi Malaysia adalah terhad. Mengikut Kementerian Kewangan, penurunan nilai ringgit hanya sementara. Buat masa ini ringgit berada dalam tempoh penyesuaian sebelum ia kembali pulih dan stabil. Bank Negara Malaysia juga mula mengambil tindakan untuk mencegah spekulasi terhadap mata wang itu.

Di sisi yang lain, penurunan dalam nilai ringgit sebenarnya

boleh menjadikan sektor eksport Malaysia menjadi lebih berdaya saing, selain dapat menggalakkan pertumbuhan sektor seperti pelancongan dan kewangan.

Namun walau apapun, dalam keadaan sekarang, ketiga-tiga isu berkenaan tidak dinafikan memberi kesan kepada negara. Justeru, langkah untuk menstruktur semula Bajet 2015 adalah sesuatu yang wajar.

Hakikatnya dalam mengurus ekonomi negara kita perlu bersikap fleksibel dan realistik. Apa yang berlaku sekarang adalah di luar jangkaan kita. Ia tidak seperti ketika Bajet 2015 dibentangkan.



Penulis

ialah Penganalisis Media di Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia.

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Mahfar Ali
maha@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran/e-Paper
Rosli Safar
rosli@bh.com.my

BH
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M) Bhd,
31, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03 20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my